

Bab (14): Mati Mendadak.¹³²

¹²⁹ bin al-Ĥajjāj. Seorang perawi tsiqah. Riwayatnya terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. Syu`bah meninggal dunia pada tahun 160 Hijrah.

¹³⁰ bin Di`āmah as-Sadūsi al-Bashri. Seorang perawi tsiqah. Riwayatnya terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. Qatādah meninggal dunia pada tahun 117 Hijrah.

¹³¹ Maksudnya ialah perbezaan di antara dua riwayat itu hanya pada beberapa perkataan di permulaannya sahaja. Adapun bahagian akhirnya, kedua-dua riwayat itu sama sahaja. Di dalam saluran riwayat ini tersebut larangan Nabi s.a.w. daripada mencitacitakan kematian. Di dalam saluran riwayat sebelumnya pula tersebut larangan Baginda daripada berdoa meminta dimatikan. Kedua-duanya dilarang keras. Tidak semestinya apabila seseorang mencitacitakan kematian, ia akan berdoa juga kepada Allah supaya dimatikan. Mungkin juga ia melakukan kedua-duanya. Melakukan salah satu daripadanya atau kedua-duanya, semuanya dilarang keras oleh Rasulullah s.a.w.

Dalam keadaan susah bagaimana sekalipun, seseorang manusia itu tidak boleh mencitacitakan kematian dan tidak mahu hidup terus, dia sebaliknya hendaklah meminta kebaikan daripada Allah untuknya. Dia tidak boleh meminta kematian secara mutlaq, paling tinggi pun dia dibenarkan berdoa meminta kepada Allah untuk terus dihidupkan atau dimatikan dengan bersyarat, seperti diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. itu, dengan menggunakan perkataan jika, seandainya dan sebagainya.

Kedudukan hadits ke-3109: Sahih. Ia dikemukakan oleh Abu Daud at-Thayālisi di dalam Musnadnya dan an-Nasaa'i di dalam 'Amalul Yaumi Wa al-Lailah-nya.

¹³² Mati mendadak ialah mati mengejut atau dengan tidak disangka-sangka dan dengan serta-merta. Ia boleh jadi berlaku kerana serangan penyakit jantung, terbunuh, berlaku kemalangan yang teruk dan lain-lain. Mati secara tiba-tiba begitu tidak memberi peluang dan kesempatan kepada seseorang untuk bertaubat, berwasiat atau terhapus sedikit sebanyak dosa-dosanya dengan sebab penyakit yang dialaminya sebelum meninggal dunia. Manusia yang mati mendadak itu mungkin matinya dalam keadaan sedang melakukan kebaikan, mungkin juga dalam keadaan ia sedang melakukan kejahatan atau ma'shiat. Kesimpulannya ialah ia datang tanpa amaran terlebih dahulu.

٣١١٠- حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ شُعْبَةَ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ تَمِيمِ بْنِ سَلَمَةَ أَوْ سَعْدِ بْنِ عُبَيْدَةَ عَنْ عُبَيْدِ بْنِ خَالِدٍ السُّلَمِيِّ رَجُلٍ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَرَّةً عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ مَرَّةً عَنْ عُبَيْدٍ قَالَ مَوْتُ الْفَجَاءَةِ أَخَذَهُ أَسْفٌ.

3110- Musaddad (bin Musarhad) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya (bin Sa'id al-Qatthān) meriwayatkan kepada kami daripada Syu'bah (bin al-Hajjāj) daripada Manshur (bin al-Mu'tamir) daripada Tamīm bin Salamah¹³³ atau Sa'ad bin 'Ubaidah¹³⁴ daripada 'Ubaid bin Khalid as-Sulami,¹³⁵ seorang sahabat Nabi s.a.w., sesekali dia berkata daripada Nabi s.a.w., dan sesekali dia berkata, daripada 'Ubaid,¹³⁶ katanya: "Mati mendadak¹³⁷ adalah tangkapan kemarahan."¹³⁸

¹³³ as-Sulami al-Kufi. Ibnu Ma'in dan an-Nasaa'i mengatakan dia perawi tsiqah. Dia mempunyai beberapa hadits. Ibnu Hibbaan juga menyebutnya sebagai perawi tsiqah. Haditsnya diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah. Tetapi Bukhari meriwayatkan secara ta'liq sahaja daripadanya. Al-Fallās berkata, Tamīm meninggal dunia pada tahun 100 Hijrah.

¹³⁴ as-Sulami al-Kufi. Abu Dhamrah adalah kuniahnya. Dia menantu 'Ubaid bin Khalid. Ibnu Ma'in dan an-Nasaa'i mengatakan dia tsiqah. Abu Haatim berkata, "Dia berfahaman Khawarij, tetapi kemudian meninggalkan fahaman itu. Haditsnya boleh ditulis." Ibnu Sa'ad berkata, "Dia perawi tsiqah yang banyak meriwayatkan hadits." Al-'Ijli berkata, "Dia seorang Tābi'i yang tsiqah". Ibnu Hibbaan juga menyebutnya sebagai tsiqah. Riwayatnya terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. Perkataan أو sebelumnya memberi erti syak. Perawi yang syak tentang dua nama itu ialah Syu'bah. Syak perawi di sini tidak menjejaskan hadits, kerana kedua-dua perawi itu (Tamīm bin Salamah dan Sa'ad bin 'Ubaidah) tsiqah.

¹³⁵ al-Bahzi al-Kufi. Seorang sahabat Nabi s.a.w. Abu 'Abdillah adalah kuniahnya. Abu Daud telah mengambil dua haditsnya. An-Nasaa'i pula mengambil satu sahaja haditsnya.

¹³⁶ Perawi yang berkata begini ialah Musaddad. Maksud Musaddad ialah sesekali 'Ubaid bin Khalid meriwayatkannya secara marfū', sesekali pula beliau meriwayatkannya secara mauqūf.

¹³⁷ Iaitu mati mengejut dengan tiba-tiba tanpa sebab yang nyata.

¹³⁸ Perkataan أسف boleh dibaca dengan fathah dan kasrah sīnnya. Terjemahan yang diberikan di atas adalah berdasarkan sīnnya dibaca dengan fathah sebagai mashdar. Jika sīnnya dibaca dengan kasrah pula, maka ertinya ialah tangkapan orang yang marah, sebagai kata sifat. Maksud sabda Nabi s.a.w. ini ialah mati mendadak itu adalah akibat daripada kemarahan dan kemurkaan Allah, sehingga Dia tidak membiarkan seseorang yang mati begitu sempat bertaubat atau menyiapkan bekalnya untuk akhirat. Dia juga

tidak memberinya sakit dahulu supaya dosa-dosanya dikaffarahkan. Kerana itulah Nabi s.a.w. berunding kepada Allah daripada mati mendadak. Hadits ini sebenarnya lebih tepat kepada orang-orang kafir atau ahli ma'shiat, memandangkan terdapat banyak hadits yang menunjukkan ia kepada orang-orang mu'min merupakan rahmat. Nabi-nabi dan rasul-rasul juga ada yang mati mendadak, seperti Nabi Ibrahim, Nabi Daud, Nabi Sulaiman a.s. dan lain-lain. Di kalangan para sahabat Nabi s.a.w. juga ada yang mati mendadak, seperti 'Abdur Rahman bin Abi Bakr dan lain-lain. Hadits ke-3111 di bawah bab selepas ini juga menunjukkan tujuh macam orang-orang yang beriman yang mati secara mendadak itu disebutkan sebagai orang-orang yang mati syahid juga, dan itu adalah kelebihan untuk mereka, bukan kehinaan.

Antara hadits yang membuktikan hadits ke-3110 di bawah bab ini khusus dengan orang-orang kafir atau ahli ma'shiat ialah hadits Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh 'Aaishah di bawah ini. Kata beliau ('Aaishah):

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ مَوْتِ الْفَجَاءَةِ؟ فَقَالَ: رَاحَةٌ لِلْمُؤْمِنِ، وَأُخْذٌ أَسْفَ لِلْفَاجِرِ.

Bermaksud: Aku bertanya Rasulullah s.a.w. tentang mati mendadak. Baginda s.a.w. bersabda: "Ia merupakan kerehatan kepada orang mu'min, dan tangkapan kemarahan (Tuhan) terhadap orang jahat (ahli ma'shiat). (Hadits riwayat Ahmad). Walaupun hadits 'Aaishah ini dha'if, ia dapat ditampung oleh hadits-hadits lain yang lebih kuat daripadanya.

Ibnu Abi Syaibah dengan sanadnya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Mas'ud dan 'Aaishah bahawa mereka berdua berkata:

مَوْتُ الْفَجَاءَةِ رَاقَةٌ بِالْمُؤْمِنِ وَأَسْفٌ عَلَى الْفَاجِرِ.

Bermaksud: Mati mendadak itu merupakan rahmat kepada orang mu'min dan kemurkaan (Tuhan) terhadap penderhaka (ahli ma'shiat). (Lihat Mushannaf Ibni Abi Syaibah j.3 m/s 48).

Al-Baihaqi di dalam Sunannya meriwayatkan daripada mereka berdua dengan lafaz seperti berikut:

أَسْفٌ عَلَى الْفَاجِرِ وَرَاحَةٌ لِلْمُؤْمِنِ يَغْنِي الْفَجَاءَةَ.

Bermaksud: Merupakan kemurkaan (Tuhan) kepada orang jahat (ahli ma'shiat) dan kerehatan kepada orang mu'min. Maksudnya ialah mati mendadak itu. (Lihat as-Sunan al-Kubra j.3 m/s 531). Isnad kedua-dua hadits mauqūf ini sahih.

Kedudukan hadits ke-3110: Sahih. Ia dikemukakan juga oleh Ahmad daripada Yahya bin Sa'id al-Qatthān dengan sanad yang sama. Al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Imānnya dan Razīn di dalam Kitabnya menambahkan riwayat ini dengan lafaz seperti berikut:

أُخْذَةُ الْأَسْفِ لِلْكَافِرِ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِ.

Bermaksud: Tangkapan kemarahan untuk orang kafir, dan (ia merupakan) rahmah untuk orang mu'min.

Al-Mundziri di dalam "Ikhtishār as-Sunan" berkata, "Hadits 'Ubaid ini perawi-perawinya tsiqāt. Riwayat mauqūfnya tidak menjejaskannya, kerana perkara seumpama ini di luar dari jangkauan 'aql manusia. Apalagi ia juga diriwayatkan oleh perawi secara musnad dan marfū' pada ketika yang lain. Hafizh Ibnu Hajar mensahihkan isnadnya di dalam Kitabnya: "Takhrīj Ahādīth Mukhtashar Ibni al-Ĥājib j.1 m/s 317".